

1983

KUALA LUMPUR, 26 MAC (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGINGATKAN PARA ANGGOTA POLIS BAHAWA MEREKA ADALAH PEMIMPIN KEPADA RAKYAT DALAM MENGAJAR MEREKA MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN MENGHORMATI PERLEMBAGAAN.

KATANYA OLEH SETIAP ANGGOTA POLIS BUKAN SAJA PERLU MEMPUNYAI PENGETAHUAN LUAS TENTANG SELOK BELOK KERJA TETAPI JUGA PENGETAHUAN MENGENAI MASYARAKAT DAN LAIN-LAIN SERTA PENGETAHUAN AGAMA SUPAYA DAPAT MENJADI MANUSIA TAULADAN.

+DALAM APA JUA KEADAAN PARA ANGGOTA HENDAKLAM SENTIASA BERSABAR DAN MENUNJUKKAN KESANGGUPAN MENGAWAL DIRI DARI BERTINDAK MENGIKUT PERASAAN ATAU DI LUAR LUNAS-LUNAS YANG SAH WALAUPUN KETIKA MENGHADAPI SESUATU KEADAAN YANG MENCEMASKAN.+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP SELEPAS MENERIMA TADEK HORMAT DAN MEMERIKSA PERBARISAN PERDANA SEMPENA SAMBUTAN HARI POLIS KE-176 DI PUSAT LATIHAN POLIS DI SINI.

TURUT HADIR DIUPACARA ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH SERTA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM DAN DATIN MARIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PASUKAN POLIS SAMA SEPERTI SEBUAH BANGSA YANG MULIA, MEMERLUKAN SETIAP INDIVIDUNYA MAJU DARI SEGI KEBENDAAN DAN ROHANI.

+PASUKAN POLIS YANG BERNIBAWA MEMERLUKAN PERSEIMBANGAN INI, MALAH PERSEIMBANGAN INILAH YANG BOLEH MELAHIRKAN BANGSA DAN NEGARA YANG BERMARUAH DAN BERKEPERIBADIAN TINGGI+. --LAGI 1257/MD

BELIAU MENINGATKAN PARA ANGGOTA POLIS BAHAWA PADA BAHU MEREKA TERLETAK PERANAN PENTING MELAHIRKAN BANGSA YANG BERMARUAH DAN BERKEPERIBADIAN TINGGI MENERUSI PENGEKALAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG MELALUI →KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN→.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +SESUNGGUHNYA PENGEKALAN KEDAULATAN UNDANG-UNDANG DAN KELUHURAN PERLEMBAGAAN MERUPAKAN TUGAS PENTING PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA+.

IA ADALAH BERTUJUAN MEMUJUKAN KEAMANAN DAN KENTENTERAMAN NEGARA DAN HARUS DIJADIKAN ALAT MEMUPUK SEMANGAT MENGHORMATI UNDANG-UNDANG DIKALANGAN RAKYAT, KATANYA.

TAMBAHNYA →DENGAN ASAS DAN SUASANA TENTERAM INILAH SAHAJA DAPAT DIPASTIKAN BAHAWA SETIAP RAKYAT DAPAT MENIKMATI HAK-HAK MEREKA YANG TERCATIT DALAM PERLEMBAGAAN TANPA DI GANGGU-GUGAT OLEH SESIAPA DAN PEMBANGUNAN NEGARA DILAKSANAKAN DENGAN TERATUR.+

PERDANA MENTERI MENGGARISKAN CIRI-CIRI YANG PERLU DITANAM DI HATI SETIAP ANGGOTA POLIS IAITU RAJIN BEKERJA, DEDIKASI, SANGGUP MENKRITIK DIRI SENDIRI DI SAMPING MENGAWAL TUTUR KATA, BERBUDI BAHASA DAN BERSOPAN SANTUN.

BELIAU MENEKANKAN PERI PENTINGNYA PASUKAN POLIS TERUS MEMPERKEMAS DAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA UNTUK MENGHADAPI →SUASANA DAN CABARAN YANG BERUBAH-UBAH+ --LAGI 1304AMD

MAHATHIR - POLIS 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R

'PENGETIAHAN, KELEKAPAN DAN KEPATUHAN KEPADA DISIPLIN ADALAH SGT PENTING. IA AKAN MEMBOLEHKAN PARA ANGGOTA BERTINDAK DENGAN OBJEKTIF DAN SERKESAN', TEGAS BELIAU.

+IMEJ SEBUAH PERKHIDMATAN TIDAK BERGANTUNG KEPADA JUMLAH ARAHAN ATAU PERATURAN YANG DINELUARKAN, TETAPI KEPADA NILAI-NILAI DAN TAHAP PRESTASI BERTA TINGKAH LAKU SETIAP ANGGOTA, BAHAGIAN DAN LAPISAN ORGANISASI DALAM MENCAPAI OBJEKTIF-OBJEKTIFNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MAHU PASUKAN POLIS MENGATUR 'SEGALA USAHA UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH MEREKA BERTHUBUNG DENGAN MENDAPATKAN KERJASAMA DAN SOKONGAN DARI ORANG-RANAI.

BELIAU BERKATA PARA ANGGOTA JUGA PERLU SENSITIF TERHADAP MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ORANGRAMAI KHUSUSNYA BAGI MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

'DENGAN CARA INILAH KEYAKINAN ORANGRAMAI TERHADAP POLIS AKAN DAPAT DIPERKUKHKAN LAGI', TEGAS BELIAU.

+GAYA HARAP SELURUH PASUKAN POLIS DIRAJA MALAYSIA AKAN MENGEKALKAN TAHAP DISIPLIN YANG TINGGI SETIAP MASA DAN MENJADIKANNYA LANDASAN DALAM MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS HARIAN'.- LAGI 1250/BW

PERBARISAN PERDANA SEMPENA HARI POLIS ITU TERDIRI DARIPADA 2,100 ANGGOTA DAN 68 ORANG PEGAWAI POLIS DARI BERBAGAI UNIT DALAM PASUKAN POLIS DI BAWAH PERENTAH PEMANGKU PENGUASA ISHAK ABDUL AZIZ.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMERIKSA PERBARISAN ITU DENGAN MENAIKI SEBUAH LAND-ROVER DIIRINGI OLEH TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM DAN KETUA POLIS NEGERA TAN SRI HANIF OMAR.

SEBELUM ITU SATU UPACARA PERARAKAN DUA PULUH PANJI-PANJI POLIS DAN PERSEMBAHAN PANCARAGAM PUSAT POLIS DIRAJA JUGA DIADAKAN.

TURUT KENYAKSIKAN UPACARA TERSEBUT IALAH PARA DIPLOMAT DARI KEDUTAAN-KEDUTAAN ASING SERTA ORANG AWAM.

PERSEMBAHAN PANCARAGAM TERSEBUT TERDIRI DARIPADA 12 ANGEDTA ADALAH PERTAMA KALI DIADAKAN DALAM SAMBUTAN HARI POLIS DI KAMPING PERBARISAN YANG LAZIM DIADAKAN SETIAP TAHUN. --BERNAMA 1315/KD

MAHATHIR - POLIS 5 KUALA LUMPUR

DI ALUR SETAR, SATU UACARA PERBARISAN SERTA MENYANYIKAN LAGU-LAGU KEBANGSAAN, POLIS DAN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN + DIADAKAN DI IBUPEJABAT KONTIJEN POLIS KEDAH/PERLIS DI SINI.

TIMBALAN KETUA POLIS NEGERI KEDAH/PERLIS, ENCIK NIUH SOON HOCK MEMBACAKAN PERUTUSAN DARI KETUA POLIS NEGERA, TAN SRI HANIFF OMAR.

UPACARA PAGI INI DISERTAI OLEH SEMUA PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS SERTA KAKITANGAN AWAMNYA DI IBUPEJABAT KONTIJEN ITU DI JALAN STADIUM DI SINI.

UPACARA YANG SERUPA JUGA DIADAKAN DI SEMUA IBUPEJABAT POLIS DAERAH DI KEDUA-DUA NEGERI. -- LAGI 1438/OM

MAHATHIR - POLIS 6 KUALA LUMPUR

DI KANGAR, SERAMAI 36 ANGGOTA POLIS TERMASUK DUA KAKITANGAN AWAMNYA DAN LIMA ORANGAWAM MEMERIMA SIJIL PENGHARGAAN DARI KETUA POLIS DAERAH, PENGUASA KARIM LONG SEMPENA HARI POLIS DI KEM YUNIT KAWALAN KAWASAN (UKK) MATA AIR DEKAT SINI.

TERDAHULU DARI ITU PENGUASA KARRIM MEMERIKSA PASUKAN KAWALAN SERAMAI 70 ORANG ANGGOTA DARI CAWANGAN UKK DAN YUNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN.

BELIAU JUGA TELAH MEMBACA PERUTUSAN DARI KETUA POLIS KEDAH/PERLIS, DATUK ABDUL HAMID MOHAMED.

SEMENTARA ITU BERBAGAI ACARA TELAH DIATUR BAGI MENYAMBUT HARI TERSEBUT DI PERINGKAT DAERAH TERMASUK GOTONG ROYONG MEMBERSIH KAWASAN PERKUBURAN, DERMA DARAH SERTA LAWATAN DAN PENYAMPAIAN BANTUAN OLEH PERSATUAN KELUARGA POLIS DI RUMAH ORANG TUA.

SEMPENA HARI POLIS INI JUGA IBUPEJABAT POLIS DAERAH INI AKAN MENGADAKAN HARI TERBUKA SERTA PAMERAN POLIS PADA 30 MAC INI.

- BERNAMA 1408/BW